



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUP PROGRAM JOMSIHAT@DOA 2025 &
FIESTAFIT@WORK 2025**

**30 SEPTEMBER 2025 | SELASA
STADIUM INSPEN, PUTRAJAYA**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam program yang penuh makna ini – **FiestaFit@Work 2025**, acara kemuncak dan penutup kepada **Program JomSihat@DOA 2025**. Program ini diadakan bersempena **Bulan Malaysia Sihat Sejahtera**, yang diraikan pada setiap bulan September di bawah **Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)**
2. Program **JomSihat@DOA 2025** merupakan inisiatif Jabatan Pertanian dengan kerjasama persatuan dan kesatuan di jabatan ini, antaranya:
 - i. Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (**AKRAB**)
 - ii. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (**PUSPANITA**)
 - iii. Persatuan Perkhidmatan Pegawai Pertanian Jabatan Pertanian (**PERPETA**)
 - iv. Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (**PKSJP**)
 - v. Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (**AGRASOU**)
 - vi. Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia (**KPPPSM**)

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang telah berganding bahu dalam menjayakan program ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Agenda Nasional Malaysia Sihat adalah gerakan nasional yang amat penting bagi menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat secara berterusan, merentas semua lapisan masyarakat. Pelaksanaan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera pula bertujuan menyemarakkan kesedaran dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti kesihatan, termasuk amalan mudah tetapi memberi impak besar kepada kesejahteraan hidup
4. Sepanjang pelaksanaan **Program JomSihat@DOA 2025**, beberapa aktiviti telah diadakan, antaranya:
 - i. Paparan infografik kesihatan di desktop warga kerja Wisma Tani (Ogos–September 2025)
 - ii. Kempen Naik Tangga (TanggaFit@DOA 2025) – 2 hingga 26 September 2025
 - iii. Kempen Derma Darah – 3 September 2025
 - iv. Larian Sihat@DOA 2025 – 27 September 2025
 - v. FiestaFit@Work 2025 – 30 September 2025 (acara penutup)

Setiap program ini membawa mesej tersendiri yang menyumbang kepada pembudayaan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga Jabatan, selari dengan tema “**Gerak Aktif, Hidup Positif**”.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya amat menghargai komitmen serta penglibatan semua warga Jabatan Pertanian dalam menjayakan program ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sebagai peserta serta sokongan yang diberikan membuktikan betapa pentingnya usaha bersepadu ini demi kesihatan dan kesejahteraan kita bersama.
6. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur serta semua yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan **Program JomSihat@DOA 2025**. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan diperluas pada masa akan datang demi manfaat seluruh warga Jabatan.
7. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup Program JomSihat@DOA 2025.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum wbt.